



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**
Bagi Minggu 24/2011 (12 hingga 18 Jun 2011)

Sepanjang minggu ke-24 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 12 hingga 18 Jun, sejumlah 375 kes Demam Denggi dengan satu (1) kematian telah dilaporkan, meningkat sebanyak 16 kes berbanding dengan 359 kes dan tiada kematian pada minggu sebelumnya. Terdapat 7 buah negeri yang menunjukkan peningkatan berbanding minggu lepas iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 14 kes (10%), Kedah 7 kes (100%), N.Sembilan 6 kes (67%), Perak 5 kes (24%), WP Kuala Lumpur/Putrajaya 5 kes (12%), Terengganu 2 kes (29%) dan Kelantan meningkat sebanyak 1 kes (13%) (Lampiran 1). Perak dan Terengganu merupakan negeri yang telah menunjukkan peningkatan kes sejak 2 minggu berturut-turut.

Bermula dari Januari hingga 18 Jun 2011 sebanyak 9,599 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 57% atau 12,652 kes berbanding dengan 22,251 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Sebanyak 15 kematian akibat Denggi dilaporkan, menurun sebanyak 80% berbanding 74 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Pada minggu lepas, terdapat satu kematian Demam Denggi dilaporkan di Sabah yang melibatkan seorang surirumah berusia 25 tahun. Pesakit yang sedang hamil anak pertama meninggal dunia bersama dengan anak yang dikandungnya dengan sebab komplikasi jangkitan Denggi iaitu *Dengue Haemorrhagic Fever*. Aktiviti kawalan iaitu semburan kabus telah dijalankan di kawasan tempat tinggal pesakit bagi memastikan tiada lagi kes Denggi berlaku.

Sehingga minggu ke-24, sejumlah 93 lokaliti wabak telah dilaporkan berlaku di seluruh negara. Pada minggu lepas, terdapat 12 lokaliti *hot spots* dilaporkan, peningkatan sebanyak 9 lokaliti berbanding 3 lokaliti pada minggu sebelumnya. Di Selangor, sebanyak 8 lokaliti *hot spots* dilaporkan berlaku iaitu di Apartment Enggang, Apartment Casmaria, Taman Samudera Timur (Flat), Taman Samudera Timur (Teres) dan Ukay Perdana (Sri Wira Apartment) masing-masing di daerah Gombak manakala Apartment Taman Kajang Utama, Casa Villa Condo Sg.Chua dan Seksyen 2 Bandar Rinching di daerah Hulu Langat. Di WP Kuala Lumpur, sebanyak 4 lokaliti *hot spots* dilaporkan berlaku iaitu di Menara Orkid di zon Kepong, Bukit Jalil (Apartment Sri Rakyat) dan Kem Sg.Besi di zon Cheras dan Kg.Baru D (Jln.Dato Abdullah Yassin) di zon Pusat Bandar (Lampiran B). Menara Orkid dan Bukit Jalil (Apartment Sri Rakyat) juga telah mengalami wabak melebihi tempoh 2 bulan dan aktiviti gotong-royong di kawasan tersebut perlu dipertingkatkan supaya bekas-bekas takungan nyamuk Aedes di sekitar kawasan kediaman dapat dihapuskan, sekaligus mencegah kes Demam Denggi.

Berikutan peningkatan lokaliti *hot spots* terutamanya di Selangor, masyarakat setempat diharap lebih peka dengan situasi ini. Pastikan kawasan tempat kediaman serta persekitaran dalam komuniti bebas dari tempat pembiakan nyamuk Aedes. Aktiviti semburan kabus akan dijalankan oleh anggota Jabatan Kesihatan di rumah-rumah yang berhampiran dengan kediaman pesakit Denggi, meliputi di dalam dan luar rumah. Tindakan ini sangat penting untuk membunuh dengan segera nyamuk Aedes dewasa yang mempunyai virus Denggi bagi mengelak jangkitan Denggi terus merebak. Dengan ini, orang ramai diharapkan memberi kerjasama dan membenarkan aktiviti semburan kabus ini dijalankan di rumah masing-masing.

Bagi Penyakit Chikungunya, tiada kes dilaporkan untuk tempoh 12 hingga 18 Jun 2011. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 15 kes, penurunan sebanyak 97% berbanding dengan 579 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010.

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

20 Jun 2011

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 24/2011
(12 hingga 18 Jun 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 24/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 24/2010
		Minggu 24 (12 – 18 Jun 2011)	Minggu 23 (5 – 11 Jun 2011)		
1	Perlis	3	3	34	71
2	Kedah	14	7	234	364 (2)
3	P. Pinang	39	47	919 (1)	540 (2)
4	Perak	26	21	607 (2)	928 (4)
5	Selangor	151	137	3,596 (3)	9,986 (32)
6	WPKL & Putrajaya	47	42	854 (1)	2,456 (4)
7	N. Sembilan	15	9	362	1,102 (6)
8	Melaka	5	6	210	273 (4)
9	Johor	23	24	876 (4)	1,595 (7)
10	Pahang	14	19	480 (1)	628 (1)
11	Terengganu	9	7	366 (1)	429
12	Kelantan	9	8	317 (1)	645 (3)
13	Sarawak	15	23	502	2,192 (8)
14	Sabah	5 (1)	6	237 (1)	1,031 (1)
15	WP Labuan	0	0	5	11
	MALAYSIA	375 (1)	359	9,599 (15)	22,251 (74)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 24/2011
(12 hingga 18 Jun 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 24/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 24/2010
		Minggu 24 (12 – 18 Jun 2011)	Minggu 23 (5 – 11 Jun 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	3
4	Perak	0	0	2	3
5	Selangor	0	0	1	23
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	1
8	Melaka	0	0	1	0
9	Johor	0	0	0	4
10	Pahang	0	0	1	1
11	Terengganu	0	0	0	1
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	1	512
14	Sabah	0	1	9	22
15	WP Labuan	0	0	0	7
	MALAYSIA	0	1	15	579

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU
24 BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Apartment Enggang	16	38
2	SELANGOR	Gombak	Apartment Casmaria	11	46
3	SELANGOR	Gombak	Taman Samudera Timur (Flat)	10	33
4	SELANGOR	Gombak	Taman Samudera Timur (Teres)	14	42
5	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Kajang Utama	15	32
6	SELANGOR	Hulu Langat	Casa Villa Condo Sungai Chua	6	33
7	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Rincing	5	32
8	SELANGOR	MPAJ (GB)	Ukay Perdana (Sri Wira Apartment)	10	34
9	WPKL	Kepong	Menara Orkid	19	68
10	WPKL	Cheras	Bukit Jalil (Apartment Sri Rakyat)	26	68
11	WPKL	Cheras	Kem Sg Besi	17	31
12	WPKL	Pusat Bandar	Kg Baru D (Jln Dato Abdullah Yassin)	6	36

Lampiran D

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 24
BAGI TAHUN 2011
(12 hingga 18 Jun 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	WPKL	Kepong	Menara Orkid	1.82	2